



Rujukan Kami : PMSRWK.100-1/3/1 ( 4 )

Tarikh : 17 Mac 2021

03 Syaaban 1442H

Semua Ketua Jabatan Persekutuan, Sarawak

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan, Sarawak

Semua Ketua Jabatan Negeri, Sarawak  
(Yang Mengurus Peruntukan Persekutuan)

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri, Sarawak  
(Yang Mengurus Peruntukan Persekutuan)

YB Datuk Amar/Datuk/Datu/ Dato'/Dr./Tuan/Puan,

## **SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK BILANGAN 2 TAHUN 2021**

### **PELANJUTAN TEMPOH SAH LAKU TENDER**

Sukacita saya dengan hormatnya menarik perhatian YB Datuk Amar/Datuk/Datu/Dato'/Dr./Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas dan sebagaimana YB Datuk Amar/Datuk/Datu/Dato'/Dr./Tuan/Puan sedia maklum, Perbendaharaan Malaysia Sarawak (PMS) merupakan urusetia kepada Lembaga Perolehan Persekutuan Sarawak (LPPS).

2. Untuk makluman YB Datuk Amar/Datuk/Datu/Dato'/Dr./Tuan/Puan, tempoh sah laku tender yang munasabah hendaklah ditetapkan dengan mengambil kira faktor-faktor berikut;

- a) Jangka masa untuk menilai tawaran dari segi teknikal;
- b) Jangka masa untuk menilai tawaran dari segi harga;
- c) Jangka masa untuk menilai keupayaan petender;
- d) Jangka masa untuk menyediakan laporan dan masa yang diperlukan untuk membuat keputusan bagi tender tersebut; dan
- e) Jangka masa untuk membuat keputusan dan mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) kepada petender berjaya.

Muka surat 1 daripada 3

3. Bagi memastikan objektif di para 2 tercapai dan selaras dengan PP – PK 2.1: Perkara 8 (v) (d) jelas dinyatakan “...**Agensi tidak digalakkan untuk melanjutkan tempoh sah laku tawaran tender daripada tempoh sah yang telah ditetapkan kerana ini boleh menyebabkan petender menarik diri. Sekiranya pelanjutan tempoh sah laku tawaran tender diperlukan, pelanjutan hendaklah dibuat sebelum tarikh tempoh sah laku asal tamat dengan kelulusan Pengerusi Lembaga Perolehan Agensi yang berkenaan...**”, Permohonan Pelanjutan Tempoh Sah Laku Tender oleh Jabatan / Agensi kepada Pengerusi LPPS hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya **satu (1) bulan sebelum tempoh sah laku tender tamat dengan mengemukakan bersama maklumat-maklumat tambahan seperti di Lampiran A.**

4. Adalah menjadi tanggungjawab Jabatan/Agensi untuk memastikan supaya tempoh sah laku tender yang dipohon tidak terlalu panjang kerana ini menyebabkan petender menaikkan harga tawaran mereka. Jabatan/ Agensi juga bertanggungjawab untuk memastikan maklumat-maklumat mengenai Kertas Taklimat Tender lengkap dikemukakan sebelum LPPS bersidang termasuk permohonan kelulusan peruntukan yang berkaitan yang perlu dipohon terlebih dahulu.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(MOHD SAIFUL SUNGKIH BIN ABDULLAH)**

Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak

Perbendaharaan Malaysia Sarawak

b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Kementerian Kewangan Malaysia.

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH SAH LAKU  
TENDER**

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	
1.	Surat Permohonan Jabatan/Agensi  • <b><i>Surat hendaklah dikemukakan satu (1) bulan sebelum tempoh sah laku tender tamat</i></b>	<input type="text"/>
2..	Justifikasi Permohonan Pelanjutan	<input type="text"/>
3.	Kronologi/ diari pengesanan di dalam sistem ePerolehan	<input type="text"/>
4.	Jadual Pelaksanaan tender sedia ada (status terkini)	<input type="text"/>
5.	Persetujuan pelanjutan semua petender yang menyertai tender tersebut	<input type="text"/>
6.	Dokumen-dokumen lain yang berkaitan	<input type="text"/>